



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Minggu 4 sebelum Adventus - 3 November 2024

Doa Hari Ini

Bapa syurgawi, Anak-Mu yang bahagia dinyatakan supaya membinasakan perbuatan iblis dan menjadikan kami anak-anak Allah dan waris hidup kekal; perkenankan agar kami beroleh pengharapan ini, memurnikan diri kami sama seperti Dia yang adalah murni; supaya apabila Dia menyatakan Diri-Nya kelak dalam kuasa dan kemuliaan yang besar kami akan menjadi mirip seperti Dia di dalam Kerajaan-Nya kekal dan mulia, di mana Dia hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Lukas 10:1-9

Pembacaan Berbalas-balas -
Ulangan 6:1-9



**Tuaian memang banyak,
tetapi pekerja sedikit.** - Lukas 10:2b

Siapakah yang akan Kuutus? dan siapakah yang mau pergi untuk Aku?

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG

Selamat datang ke kebaktian pagi ini. Kami juga menyambut anda yang mengikuti kami secara dalam talian.

Sambutan istimewa kepada saudari Ong Bee Cheng, dari Penginjilan untuk Kristus Sedunia di Singapura. Beliau akan berkongsi firman Tuhan di Kebaktian BI pada pagi ini.

Rektor kita dan Lorraine sedang bercuti sabatikal di sepanjang bulan Oktober dan November. Semasa ketiadaannya, maka Rev. Samuel, Ps. Margaret dan PCC akan mengambil alih teraju kepimpinan pastoral dan pentadbiran gereja. Sila merujuk mereka bagi pelbagai urusan yang terkait. Mohon dukungan doa buat rektor dan isterinya Lorraine, agar disegarkan dan diperbaharui untuk tugas seterusnya.

2. MINGGU MISI


Hari ini adalah Minggu Misi Diosis kita. Berdoa dengan sungguh. Memberi dengan murah hati. Pasukan misi kita siap-sedia untuk melayani:

- 8-9 Nov: Pasukan BI akan mengadakan Kem Kesihatan di beberapa kampung di sekitar Sook, yang dipimpin oleh Dr. George dan Charles Yeo.
- 15-17 Nov: Pasukan BC ke Kundasang, yang dipimpin oleh Ps. Margaret Chong.
- 22-23 Nov: Pasukan BM ke Pitas, yang dipimpin oleh Rev. Samuel Sampe.

3. 'LATIH IMAN KITA'

Apakah itu agama yang sesungguhnya? Bagaimana kita mengamalkan iman kita? Kita teruskan siri khutbah dari Kitab Yakobus. Kitab yang singkat ini penuh dengan nasihat kepada para pengikut Yesus untuk mengamalkan iman kepercayaan mereka. "Menjadi pelaku firman, dan bukan hanya pendengar saja, sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri" - 1:22. Topik untuk beberapa minggu akan datang:

- hari ini, 3 Nov: Minggu Misi - *Lukas 10:1-9*
- 10 Nov: 'Bersabarlah' - *Yakobus 5:7-12*
- 17 Nov: 'Berdoalah' - *Yakobus 5:13-20*
- 24 Nov: Perkongsian tentang Misi oleh pembicara jemputan - *Lukas 10:17-24*



4. **TAHNIAH** kepada Brandon Wong Khei Hang & Venus Chee Jing Er (Jemaat BI), di atas pernikahan mereka kelmarin, 2 Nov.

5. **KONFERENSI UNICO**

Bersama-sama dengan SIB LCC, kami akan menganjurkan acara ini untuk para pelajar universiti dan kolej. Harapan kami adalah untuk belajar 'bagaimana menjadi pembawa hadirat Tuhan'. Berlangsung pada 8-9 Nov nanti, di gereja kita. Kami menjemput anak-anak muda dan pemimpin untuk menjadi sebahagian daripada gerakan kasih dan kuasa Tuhan. Pastor kita, Ps. Andriano Bronio dan Ps. Jastin Balinu, pastor kanan SIB Life Community Church, akan menjadi fasilitator utama. Doakan mereka dan untuk acara tersebut.



6. **PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN**

- **Tadika ASAA** dibuka untuk pendaftaran bagi kanak-kanak berumur 4-5 tahun pada tahun 2025. Butiran di papan informasi.
- 9 Nov, 9:30 pg - Persekutuan **Evergreens**, dewan Omega.
- 14 Nov - **Persekutuan Doa Gabungan**. Kita perlu berdoa untuk musim Krismas. Acara ini akan menjadi pertemuan doa yang terakhir untuk tahun ini. Semua jemaat digalakkan untuk menyertainya.
- **Pejabat gereja** akan ditutup selama dua hari, 5-6 Nov dan akan dibuka semula pada Khamis, 7 Nov. Sebarang keperluan pastoral, jemaat digalakkan untuk menghubungi talian pelayanan jemaat kami: 019-661 1558.
- Pelayanan **paduan suara** kita ingin membuka kemasukan ahli sebagai persiapan untuk persembahan di sambutan Krismas KK. Jika anda berminat untuk menyertainya, sila hubungi Vivienne (016-847 9073).
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Ben & Lucy Ong.

7. **TERIMA KASIH** di atas kasih dan kemurahan hati anda kepada mangsa kebakaran di Penangah. Sepasukan dari gereja kita yang melibatkan staf dan sukarelawan telah menghantar barangan sumbangan pada hari Jumaat lepas, serta melayani orang-orang di sana. Puji Tuhan atas perlindungan dan Rahmat-Nya di sepanjang perjalanan.

8. **PROJEK LABUR - terima-kasih!!**

Terkini:RM141,780/- Minggu lepas: RM905/- Masih diperlukan:RM458,220/-

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Minggu Misi

Berdoa dan Pergi - Lukas 10:1-9

Menjadi Duta Kerajaan-Nya

Pendahuluan: Diutus oleh Yesus dan diutus mendahului Yesus

Pelan Penginjilan Yesus:

1. Membentuk formasi – Lukas 10:1-4
2. Memberi autoriti – Lukas 10:5-9

Untuk renungan & perbincangan:

1. Pernahkah anda ke luar negara? Adakah anda menikmati makanan, cuaca, tempat-tempat dikunjungi? Apakah bahagian yang paling sukar dalam perjalanan anda? Pernahkah anda terfikir untuk pergi beribadah Ahad apabila anda bercuti?
2. Fikirkan misionari yang pernah datang ke Borneo pada tahun 1846, adakah anda fikir mereka boleh menyesuaikan diri dengan cuaca, makanan, tandas, dan lain-lain? Kamu rasa, adakah misionari ini pernah berfikir untuk menarik diri dari misi? Apakah yang membuatkan mereka meneruskan dan berkongsi Injil kepada orang-orang di Borneo?
3. Lukas 10:2 – Apakah yang disuruh oleh Tuhan Yesus Kristus kepada kita terhadap keperluan pekerja di ladang tuaian? Sudahkah anda berdoa dan meminta pertolongan Tuhan untuk menghantar pekerja ke ladang tuaian?
4. Lukas 10:4-8 – Senaraikan perkara yang tidak boleh dilakukan oleh para utusan? Perkara yang perlu mereka lakukan?
5. Lukas 10:9 – Dua tugas utama disebut di sini. Apakah itu? Kita perlu berdoa dan melakukannya setiap hari.
6. Pernahkah kamu menyertai perjalanan misi sebelum ini? Jika ya, kongsi pengalaman anda. Jika tidak, berdoa untuk peluang menyertai misi.

UNTUK DIDOAKAN

Negara kita yang tercinta

- untuk pengawalseliaan kewangan
[berdoa untuk bimbingan dan kebijaksanaan untuk menerima, mentafsir, dan mentadbir perancangan kewangan]

Gereja kita yang dikasihi

- untuk pasukan-pasukan misi kita ke Sook, Kundasang dan Pitas.
[agar bersemangat untuk berkongsi kasih Tuhan kepada orang lain]

Diri kita sendiri

- untuk keberanian dalam mengikuti bimbingan dan pimpinan Tuhan
[supaya kita lebih berkomitmen untuk mengasihi dan melayani]
- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani;
dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

MINGGU MISI DIOSIS

Lalu Ia (Yesus) berkata kepada mereka: "Pergilah ke seluruh dunia, beritakanlah Injil kepada segala makhluk. Siapa yang percaya dan dibaptis akan diselamatkan, tetapi siapa yang tidak percaya akan dihukum... Merekapun pergilah memberitakan Injil ke segala penjuru, dan Tuhan turut bekerja dan meneguhkan firman itu dengan tanda-tanda yang menyertainya. (Markus 16:15-16,20)

Ketika gereja kehilangan mandat misinya dalam penanaman gereja dan pemuridan, ia kehilangan tujuan dan kewujudannya. Misi bukanlah aktiviti atau jabatan pelayanan dalam gereja. Ianya adalah teras, nadi, dan tujuan utama gereja. Semua aktiviti gereja harus dilahirkan, dipupuk, dan dihasilkan semula dari misi dan untuk misi. Panggilan untuk memberitakan Injil (Matius 16:15) dan menjadikan SEMUA bangsa murid-Ku (Matius 28:18-20) harus menjadi keutamaan dan asas bagi gereja. Gereja wujud kerana adanya misi, bukan sebaliknya.

Kita bersyukur kerana di bawah kepimpinan para Bishop Diosis kita, baik yang sebelumnya mahupun yang sekarang, mereka sentiasa menggerakkan gereja-gereja agar tidak hilang fokus terhadap teras misi iaitu penginjilan dan pemuridan. Ini telah menghasilkan penanaman gereja baharu baik di dalam diosis kita dan di ladang-ladang misi. Dalam tempoh 2 tahun yang lalu, lebih daripada 10 pusat penjangkauan/sidang telah ditanam di Kota Kinabalu, Papar, Pitas, Kota Marudu, Minusuh, Merotai, Kalabakan, Sandakan, Keningau, dan Tenom.

Untuk misi di luar Sabah, kita bersyukur atas kerjasama dengan Diosis Singapura dalam penanaman gereja di dekan-dekan provinsi kita (Indonesia dan Thailand) yang semakin berkembang. Tiga pelayanan baharu telah dimulakan, iaitu di Tanjung Selor (ibu kota Provinsi Kalimantan Utara), Malinau, dan Sekalayan Taka (berhampiran sempadan Sabah). Kita juga bersyukur atas sumbangan dari jemaah di Indonesia yang telah memberikan tanah seluas 10 ekar dekat ibu kota baru Nusantara untuk pelayanan masa yang akan datang.

Apabila pelayanan misi semakin berkembang, panggilan untuk mengutus para misionari juga semakin kuat. Kita memerlukan misionari baharu untuk ke Thailand di Gereja Anglikan Rangsit. Sesiapa yang berminat untuk melayani dalam masa jangka panjang (7 tahun atau lebih) boleh hubungi saya atau pejabat gereja anda. Tujuh tahun mungkin mengejutkan kebanyakan orang, tetapi ianya termasuk 1-2 tahun untuk belajar bahasa Thai sebelum seseorang bersedia melayani dengan efektif.

Pada Minggu Misi Diosis ini, saya mendorong anda semua untuk berdoa dan memberi dengan murah hati untuk kerja-kerja misi. Jadikanlah keutamaan kita selepas membaca mesej ini. Semoga Tuhan memberkati anda sekeluarga.

Bersama untuk kemuliaan Kristus,
Bishop John Yeo

Pemberian untuk Dana Misi

Melalui gereja anda dan tuliskan "Dana Misi Diosis"

Melalui akaun bank DIOCESE OF SABAH (HSBC No Akaun: 392-013397-001) atau (RHB No Akaun: 2101-03-0000-9829.) Sila nyatakan "Dana Misi daripada (nama Gereja)" dan hantar slip

